

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 Ogos 2025
AKHBAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 24

TIACOE jadi suara peneraju ekonomi monetari

TIACOE jadi suara peneraju ekonomi monetari

Tun Ismail Ali Centre of Excellence (TIACOE) dilancarkan secara rasmi semalam boleh menjadi suara peneraju dalam bidang ekonomi monetari dan kewangan di rantau ini dan global, demikian harapan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau berkata, ia terutama dalam pelbagai bidang yang lama dipelopori dan diperjuangkan.

Katanya, bagi tujuan itu, BNM komited untuk memajukan wacana dasar global dalam bidang yang sesuai untuk diterokai seperti pemecahan geoekonomi, perubahan iklim, kecerdasan buatan dan kewangan Islam.

Katanya, pusat kecemerlangan itu ditubuhkan atas komitmen berterusan BNM terhadap penyelidikan berkaitan dasar dan pembangunan institusi.

"Sebelumnya dikenali sebagai

Kursi Tun Ismail Ali yang disempatkan di Universiti Malaya, TIACOE kini bergabung dengan Asia School of Business (ASB) Central Banking Research Centre dan akan terus beroperasi di bawah ASB.

"Hal ini mencerminkan evolusi dari aspek cita-cita dan skop, memperluas warisan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dalam bidang monetari dan ekonomi kewangan," katanya pada pelancaran rasmi

TIACOE sempena ulang tahun ke-10 ASB, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengurus Pengasas dan Pengurus Bersama Lembaga Pengelola ASB dan Bekas

Gabenor BNM, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

TIACOE adalah pusat penyelidikan khusus yang bertujuan untuk memajukan kesarjanaan dan kepemimpinan pemikiran dalam ekonomi monetari dan kewangan.

Mengulas lanjut, Abdul Rasheed berkata, sejak penstrukturran semula hujung tahun lalu, TIACOE menghimpunkan sarjana dan pengamal terkemuka untuk membincangkan dan menangani isu dasar yang mendesak.

Beliau berkata, semua usaha berkenaan menunjukkan peranan TIACOE dalam menghubungkan penyelidikan dengan isu dunia nyata yang dihadapi

oleh pembuat dasar, terutama ahli bank pusat.

"Seperti yang sewajarnya, TIACOE diinspirasikan oleh seorang tokoh yang intelek, kebijaksanaan, integriti, etika kerja dan dedikasi beliau terhadap pembangunan negara menjadi amalan dan masih kekal sebagai tanda aras kecemerlangan dalam perkhidmatan awam," katanya.

Sementara itu, Zeti dalam ucapannya berkata, banyak perkembangan yang menjelaskan seperi krisis iklim, perperangan besar dan pandemik dilihat memberi kesan ekonomi yang besar.

Katanya, pada masa sama, berlaku perubahan dasar utama dalam ekonomi maju, serta kemajuan transformatif dalam teknologi, pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI), yang turut membawa cabaran penting yang perlu diuruskan.



Abdul Rasheed Ghaffour

Scanned with CamScanner